



# risalah USIM

THE NEWS BULLETIN OF UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Issue no 25, (April-Jun 2015) :: ISSN : 1511-9313



Penuntut USIM PENDEBAT  
TERBAIK DI QATAR

## Dewan Tuanku Canselor: Ikonik 15 tahun USIM



Tuanku Aishah Lancar  
**BUKU INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI**

Sukan Bowling Eratkan  
USIM DAN PENGAMAL MEDIA



9 771511 931008



# integrasi ilmu NAQLI & AQLI

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) adalah sebuah Institusi Pengajian tinggi awam ke-12 di Malaysia. Dengan mengambil pendekatan seimbang antara aspek mental, fizikal dan rohani, USIM menekankan perspektif pendidikan yang menyeluruh ke arah penyatuan ilmu Naqli (wahyu) dan Aqli (rasional) selaras dengan falsafah, misi dan visi universiti. Penawaran model pendidikan yang unik ini membezakan USIM daripada universiti lain di seluruh dunia.

Graduan USIM yang dibentuk berdasarkan paduan ilmu wahyu dan rasional ini bukannya sahaja dapat berfungsi sebagai tenaga profesional yang efektif, tetapi pada masa yang sama bersedia untuk menyumbang dan membuat perubahan kepada masyarakat. Selain USIM yang dilengkapi dengan kesepaduan antara teori dan amali juga mampu melahirkan idea dan penyelesaian yang relevan dalam menangani permasalahan ummah dan manusia seagat.

## SIDANG EDITORIAL

### **Penaung**

YBhg. Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad  
Naib Canselor

### **Ketua Editor**

Dr. Mohd Faizal Kasmani  
Pengarah  
Pusat Komunikasi Strategik (StraComm)

### **Sidang Editor**

En. Mohd Asri Husain  
Prof. Madya Dr. Rosni Samah  
Pn. Norhana Abdullah  
En. Mohd Zaini Othman  
Pn. Syazlyna Jamil  
Pn. Noorumaina bt Mohamed Yunus  
Pn. Suriati Alias

### **Konsep & Rekabentuk**

En. Mohd Saiful Abdul Samad  
Cik Wahida Hj Abas  
En. Mohd Mua'limin Ab. Jalil

### **Jurugambar**

En. Kamarull Syamzari Kamaruddin  
En. Mohd Yusrizal Mohd Yunus  
En. Ahmad Adib Jumhuri

## ISI KANDUNGAN

Ruangan ketua editor - Celebrating 15 Years Of Nurturing A Future Noble Generation

Majlis Perasmian Dewan Tuanku Canselor , ms-4

Tuanku Aishah Berkenan Lancar Buku Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli, ms-5

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Bin Awang Mat Dahan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Usim Baharu, ms6

Staff Profile, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Ms7-8

Eena Terjemah Model Naqli dan Aqli Universiti & Sustainability Campus – Tesco Joins The Usimbiosis Campaign, ms 9

Penuntut USIM Pendeбат Terbaik di Qatar, ms 10

Profesor Pergigian Usim Kongsi Kepakaran & Seminar Kebangsaan Fiqh Pergigian Bincang Isu dan Kepakaran, ms 11

Inovation – *USIM WON FIVE GOALS IN ITEX 2015*, ms 12

CoE- GOALS, ms 13

Sukan Bowling Eratkan USIM dan Pengamal Media, ms 14-15

Kompleks Kolej Permata Insan USIM Siap Sepenuhnya pada Januari 2016, ms 16

USIM Perkukuhkan Kerjasama Komuniti Bersama Smk Taman Tuanku, ms 17

USIM Kutip Rm 86,000 Royalti Jualan Buku Ilmiah & Perpustakaan dan Penerit USIM Semarakkan Sambutan Hari Buku Sedunia, ms 18

Fakulti Sains & Teknologi Kuasai Gelanggang Sufa 2015 & Pengiktirafan Kepada Olahragawan dan Olahragawati USIM 2014, ms 19

Dr Hazmi Pensyarah Pelawat di Timor Leste, ms 20

Pembangunan Sukan Dalam Kampus dan Budaya Riadah, ms21

RM 20 Juta - Kompleks Pusat Islam USIM Bakal Rancakkan Agenda Islam Setempat, Ms 22

USIM Tawar Sarjana Muda Kewangan Islam di Oman & Usim dan DBP Terbit Tiga Buah Buku Bersama, Ms 23

Usim Dan Dua Universitas Indonesia Kongsi Ilmu Perubatan, ms 24

Kumpulan Tabuh Pendeta Juara Keseluruhan I-Fessem 2015 & Acreda Laksana Program Kampus Bebas Dadah Usim 2015, ms 25

'Alamiyyah -Students From Indonesia And Thailand Join Usim's I-Gsn Jamboree, ms 26

## Celebrating 15 Years Of Nurturing A Future Noble Generation

Fifteen years is not a very long time. But for USIMians 15 years is a significant anniversary looking back at its humbled beginnings. Many may not realise that our university started at an office in the faculty of Islamic studies at Universiti Kebangsaan Malaysia, before relocating to Institut profesional Baitulmal Kampung Pandan in 2001 and Persiaran MPAJ Pandan Indah in 2002. Only in 2005 did USIM acquire its own campus in Nilai.

Some of the pioneering staff and alumni who were with USIM on the first day are still working with the university. When asked to reminisce about their earlier time at USIM (known as Kolej Universiti Islam Malaysia at that time), they are lost for words. Their most shared memories are how things started in empty offices with everyone helping each other to ensure the smooth running of the newly opened Kolej. This resulted in great camaraderie among the pioneering team and students. With memories tinged with pride and happiness, many could not have imagined that the university they attended and helped to initiate would have become as big as it is today with achievements beyond its years.

The inauguration of USIM's great hall officially known as Dewan Tuanku Canselor was another milestone which witnessed how much USIM has grown. It is adorned with architecture that reflects the university's vision and mission. The design of the Dewan Tuanku Canselor is characterised by a blend of modern and Islamic architecture to reflect the aims of USIM to spearhead knowledge and be the global reference centre in the integration of Naqli and Aqli.

The structure of the building was inspired by the shape of a mortar board and the roof depicts a prayer mat. The spiral staircases on the right and the left of the hall's facade symbolise degree scrolls. The Arabesque shape which appears on the USIM logo is applied to the interior and exterior design patterns of the building such as on the wooden doors, the hall's ceiling and the floors.

The Dewan Tuanku Canselor was inaugurated by our very own Chancellor Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud during an eventful ceremony. The event was also graced by the presence of His Royal Highness the Yang Di-Pertuan Besar of Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir and Pro Chancellor YAM Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Ibni Tuanku Muhriz. They were brief about our history, our achievements over the past 15 years and where we are heading from here. As are we, we believe that the Royal Highnesses are proud of what USIM has achieved and believe in its great potential for years to come for nurturing a noble generation and a knowledgeable society.



Dr. Faizal Kasmani  
Chief Editor





## MAJLIS PERASMIAN DEWAN TUANKU CANSELOR

Oleh :Noorumaina Mohamed Yunus

Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, DYMM Tuanku Muhriz Ibni Al-Marhum Tuanku Munawir bersama Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, Tuanku Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berangkat mencemar duli ke Majlis sempena Lawatan Diraja dan Perasmian Dewan Tuanku Canselor yang sebelum ini dikenali sebagai Dewan Besar USIM.

Turut mengiringi YAM Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudhin Ibni Tuanku Muhriz selaku Pro Canselor USIM, Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Dr. Hj Awaludin Said Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Sembilan, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor.

"Hasrat penubuhan ini adalah selaras dengan manifestasi kerajaan untuk melahirkan pemimpin Islam yang berwibawa dan dapat memelihara kepentingan negara dan umat Islam sepenuhnya. Selain itu ia berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai model utama negara-negara Islam di dunia dan menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dengan menggunakan kurikulum tempatan untuk memastikan keutuhan Islam dalam negara demi merealisasikan pembinaan tamadun baru Islam" jelas Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.

Menurut Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad pembinaan dewan besar ini dimulakan pada 13 Julai 2010 dan telah disiapkan sepenuhnya pada 8 Ogos 2014. Jumlah keluasan lantai dewan besar adalah

12,000 meter persegi atau bersamaan dengan 129,171 kaki persegi dengan kos projek sebanyak hampir RM 45 Juta.

"Rekabentuk keseluruhan bangunan Dewan Besar USIM ini adalah moden dengan nilai-nilai rekabentuk Islam bagi mencerminkan matlamat serta misi universiti untuk menjadi sebuah pusat pengajian Islam yang progresif serta maju dalam bidang sains dan teknologi".

"Ruang utama dewan dapat memuatkan sejumlah lebih kurang 3,100 orang ketika konvokesyen berlangsung dan kapasiti dewan secara keseluruhan termasuk penggunaan Bilik Serbaguna dan bilik jamuan adalah seramai 5,000 orang pada satu-satu masa majlis dilangsungkan", tambah Dato' Musa.

Yang Di-Pertuan Besar dan Tunku Ampuan Besar buat pertama kalinya mencemar duli melawat pembangunan di sekitar kampus dan melihat sendiri pelbagai kemudahan pembelajaran dan pengajaran (P&P) yang terdapat di USIM.

Lawatan Diraja turut membabitkan lawatan ke Kolej Permata Insan bagi melihat perkembangan anak-anak genius yang mengikuti pembelajaran di situ, lawatan ke konti Radio USIM dan Studio TV yang dikendalikan oleh pelajar-pelajar Program Komunikasi di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.





## TUANKU AISHAH BERKENAN LANCAR BUKU INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI

Oleh : Noorumaina Mohamed Yunus

DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkenan untuk melancarkan lapan (8) buah buku 'USIM : Mempelopori Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli' yang diterbitkan oleh Bahagian Penerbitan USIM pada Majlis Perasmian Dewan Tuanku Canselor USIM.

Buku 'USIM : Mempelopori Integrasi Ilmu Naqli Aqli' ini merupakan buku yang ditulis oleh setiap fakulti di USIM iaitu Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) serta Fakulti Pergiian (FPG).

"Buku ini menghuraikan peringkat-peringkat perkembangan USIM dalam mengintegrasikan konsep Naqli dan Aqli menerusi empat peringkat iaitu Mustawa al-Nusus (Penghayatan), Mustawa al-Muqaranah (Perbandingan), Mustawa Al-Taqqim (Adaptasi) dan Mustawa Tafaaquh (Integrasi) dalam seluruh aspek samada pengajaran, penyelidikan, khidmat masyarakat mahupun kegiatan pelajar".

"Penerbitan buku ini merupakan satu inisiatif yang dilakukan oleh pihak USIM dalam menggerakkan integrasi ilmu Naqli dan Aqli berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah yang membuktikan USIM yang mempunyai kelebihan berbanding dengan universiti lain di seluruh dunia," ujar Naib Canselor.

USIM yang meraikan ulang tahun penubuhannya yang ke-15 sejak ditubuhkan pada tahun 2000 telah meletakkan gabungan dan paduan ilmu Naqli dan Aqli sebagai asas penubuhan universiti Islam pertama milik kerajaan ini.

"Dengan adanya buku ini di setiap fakulti, ia akan menjadi rujukan kepada kakitangan, pelajar, dan orang awam untuk mengetahui apakah konsep Integrasi Naqli dan Aqli yang diketengahkan oleh USIM."

"Penerbitan buku khas ini juga sebagai bukti kesungguhan untuk merealisasikan hasrat USIM'16 iaitu menjadi pusat rujukan serantau dalam bidang integrasi ilmu Naqli dan Aqli pada tahun 2016 dan rujukan global menjelang tahun 2025," tambahnya lagi.





## PROF. DATO' DR. HASSAN BASRI BIN AWANG MAT DAHAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) USIM BAHARU

Oleh : Mohd Zaini Othman

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) baharu apabila YAB Menteri Pendidikan telah bersetuju untuk melantik Pengarah Akademi Pendidikan/Sekolah Makmal Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Dato' Dr. Hassan Basri bin Awang Mat Dahan ke jawatan itu.

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri yang melaporkan diri bertugas di USIM berkuatkuasa 15 Jun 2015 sehingga 14 Jun 2018 (tiga tahun). Pelantikan beliau adalah bagi menggantikan Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah yang menamatkan perkhidmatan dan bersara pada 15 April lalu.

Berlatarbelakang pendidikan dalam Bahasa Arab, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Universiti Kuwait (1987); Sarjana (Kesusasteraan) Universiti St Andrews, Scotland (1992) dan mendapat Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Edinburgh, Scotland (2000).

Antara kerjaya awal beliau ialah bertugas sebagai penterjemah Kedutaan Malaysia di Kuwait dan pembantu penyelidik Kuwait Zakat House. Sebagai ahli akademik, beliau memulakan tugas sebagai pensyarah di Universiti Malaya (1987-2007) sebelum dilantik sebagai Pengarah Jabatan Pelajaran Malaysia, University Cairo Mesir (2007-2011). Sekembalinya ke Malaysia, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI.

Sebagai seorang ahli akademik, beliau amat aktif dalam penulisan ilmiah dengan lebih 30 buah buku/bab buku dan 20 jurnal akademik dan prosiding yang ditulis oleh beliau diterbitkan di Malaysia dan antarabangsa. Selain itu, beliau turut aktif memberi konsultansi sebagai pensyarah pelawat, penilai luar dan ahli lembaga penasihat akademik kepada beberapa institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Dalam aspek kepimpinan dan pengiktirafan, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri telah dilantik oleh YAB Perdana Menteri sebagai Ahli Majlis Perundingan Islam (MPI) pada 2014, Ketua Panel Menggubal Kurikulum Bahasa Arab bagi Sekolah Agama di Malaysia, Lembaga Pendidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2012-2015) dan merupakan ahli Yayasan Fulbright, Amerika Syarikat sejak 2007.

Beliau juga amat aktif dalam Angkatan Tentera Malaysia sebagai Askar Wataniah dan dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Setia (berkhidmat melebihi 15 tahun) oleh Kementerian Pertahanan (2006) dan merupakan Pegawai Memerintah (Commanding Officer) Batalion 516, Regimen Askar Wataniah Malaysia.



## SEDIA PIKUL AMANAH JAYAKAN AGENDA NAQLI DAN AQLI

Y.Bhg Profesor Dato' Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan,  
Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni), USIM



Terlebih dahulu tahniah diucapkan kepada YBhg Dato' kerana dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni), USIM yang baru berkuatkuasa 15 Jun 2015 yang lalu. Bagaimana YBhg Dato' melihat pelantikan ini dalam perjalanan kerjaya YBhg Dato' sebagai Ahli Akademik lebih daripada 30 tahun?.

Saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah Taala kerana diberikan peluang memikul cabaran sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Ini merupakan amanah yang perlu saya sempurnakan dan laksanakan dengan sebaik mungkin. Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan USIM yang memberikan kepercayaan dengan pelantikan ini. Sesungguhnya, pelantikan ini merupakan detik penting dalam kerjaya saya sebagai ahli akademik selama 30 tahun khususnya sebagai TNC (HEPA) yang perlu menguruskan pelbagai perkara berkaitan dengan pelajar. Ini kerana pengalaman sebagai ahli akademik yang terlibat dalam pentadbiran Universiti selama ini banyak membantu saya untuk bersama-sama menjayakan agenda Naqli dan Aqli di Universiti ini.

Sebagai Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni), jawatan ini dianggap amat penting bagi sesebuah Universiti kerana ia melibatkan isu-isu pembangunan mahasiswa dalam pelbagai sudut. Daripada perspektif YBhg Dato', apakah isu sebenar mahasiswa di Malaysia pada hari ini?.

Bagi saya, mahasiswa pada hari ini amat bertuah kerana mereka mempunyai pelbagai fasiliti untuk membantu mereka berjaya dalam pengajian di Universiti. Justeru itu, isu sebenar yang dihadapi oleh mahasiswa pada hari ini melalui perspektif saya ialah bagaimana mereka mampu menguruskan perubahan yang berlaku bagi menjadikan mereka yang terbaik di kalangan yang baik-baik. Ini kerana, kegagalan mahasiswa menguruskan apa yang ada pada hari ini akan menyebabkan mereka hanyut

dalam arus pemodenan negara hingga menjejaskan perancangan pembangunan modal insan negara kelak. Dalam konteks ini, mahasiswa perlu bijak menangani cabaran arus kemodenan dengan mempunyai daya tahan dan keperibadian yang unggul bagi membolehkan mereka tidak dipergunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Bagaimana YBhg Dato' melihat usaha meningkatkan mutu graduan Universiti terutamanya dalam kebolehan menguasai Bahasa kedua dan ketiga yang ketika ini menjadi cabaran kepada graduan Universiti Awam (UA) di negara ini?.

Saya melihat USIM mempunyai strategi yang cukup cantik untuk meningkatkan mutu graduannya khususnya bagi membantu graduan menguasai Bahasa kedua dan ketiga memandangkan Bahasa pengantar untuk pengajaran dan pembelajaran di USIM menggunakan Bahasa Inggeris dan Arab. Usaha pihak Universiti memperkenalkan Ujian Bahasa Arab kepada pelajar baru merupakan satu usaha jangka panjang agar graduan Universiti ini mempunyai kemahiran yang tinggi dan prospek kerjaya pada masa akan datang. Maka dengan sebab itulah, saya akan menggunakan pengalaman saya sebelum ini untuk memperkasakan program Global Islamic Student Outreach (GISO) khususnya di Timur Tengah seperti di Oman dan Mesir untuk pelajar USIM mendapat pendedahan bagi menguasai Bahasa Arab dengan lebih baik lagi. Saya percaya, pendedahan di luar negara ini akan banyak membantu mahasiswa kita mempunyai kemahiran berbahasa yang lebih baik.

“...isu sebenar yang dihadapi oleh mahasiswa pada hari ini melalui perspektif saya ialah bagaimana mereka mampu menguruskan perubahan yang berlaku bagi menjadikan mereka yang terbaik di kalangan yang baik-baik.”



Apakah karakter atau ciri-ciri mahasiswa di Malaysia yang mampu menjadi pemimpin masa depan negara mengikut kaca mata YBhg Dato'?

Terdapat tiga indikator penting yang perlu ada bagi mahasiswa di Malaysia ini khususnya bagi mahasiswa di USIM. Pertamanya, mahasiswa mestilah mempunyai sifat ingin mencuba dalam semua perkara. Jangan takut untuk gagal kerana daripada kegagalan itulah, mahasiswa akan belajar untuk berjaya pada masa depan. Saya tekan aspek berani mencuba ini kerana, mahasiswa perlu keluar daripada kepompong zon selesa untuk bersedia menjadi pemimpin pelapis negara kelak. Kedua, aspek daya tahan yang tinggi bagi mahasiswa. Maksudnya, mahasiswa perlu mempunyai kekuatan fizikal dan mental bagi menghadapi cabaran dan senario semasa yang berlaku pada hari ini. Perubahan lanskap politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di negara ini dan juga di peringkat global menuntut mahasiswa cakna dengan persekitaran mereka. Aspek ketiga, pada hemat saya ialah mahasiswa perlu mempunyai sifat proaktif dan bukan defensif. Ini banyak membantu membolehkan mereka bergiat secara aktif tanpa ada paksaan untuk melaksanakan sesuatu perkara itu. Sifat pro aktif ini mencerminkan mahasiswa di negara ini mempunyai keupayaan untuk bergerak ke hadapan dan bersedia bersaing menghadapi cabaran. Ketiga-tiga indikator inilah yang saya harapkan dapat membentuk perwatakan mahasiswa yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan kelak.

“...mahasiswa perlu mempunyai kekuatan fizikal dan mental bagi menghadapi cabaran dan senario semasa yang berlaku pada hari ini. Perubahan lanskap politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di negara ini dan juga di peringkat global menuntut mahasiswa cakna dengan persekitaran mereka.”

Kerjasama strategik dengan Alumni Universiti adalah agenda penting bagi Universiti Luar Negara kerana golongan ini merupakan di antara penyumbang utama bagi membantu membiayai dana Universiti. Bagaimana YBhg Dato' melihat perkara ini dalam konteks peranan Alumni di Universiti Tempatan dalam membantu Universiti?

Pada hemat saya, Alumni perlu mempunyai jatidiri sebagai 'USIMIANS'. Ini penting kerana Alumni mempunyai peranan yang cukup besar bagi membantu dalam memartabatkan Universiti ini kerana Alumni adalah Duta Kecil Universiti yang telah terbukti hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran selama 4 tahun di USIM. Pihak saya akan membantu memperluaskan konsep waqaf dan menggalakkan Alumni untuk membayar zakat kepada Universiti. Saya amat berharap, peranan Alumni ini dapat diperkasakan lagi dengan penglibatan secara menyeluruh semua Alumni ini. Maka dengan sebab itulah, fungsi Pejabat Perhubungan Alumni juga akan disusun semula agar dapat berperanan secara optimum bagi memastikan hubungan di antara Alumni dan Universiti tidak terputus apabila pelajar itu menamatkan pengajian daripada USIM kelak.

Apakah pesanan YBhg Dato', kepada mahasiswa USIM agar ia dapat dijadikan pedoman kepada mereka sebagai pemimpin masa depan negara kelak?

Saya berharap mahasiswa USIM mempunyai keupayaan untuk menjadi kuat, pro aktif dan bersedia untuk memimpin. Aspek ini mendapat perhatian serius daripada pihak saya kerana ciri-ciri ini menjadi jenama pembinaan mahasiswa USIM yang mempunyai nilai-nilai Naqli dan Aqli. Saya berpesan kepada semua mahasiswa USIM agar dapat membantu pihak Universiti kerana golongan mahasiswa yang ada pada hari inilah yang bakal mencorak kepimpinan negara pada masa akan datang. Saya percaya dan penuh yakin, graduan dari USIM dapat membuktikan kepada masyarakat bahawa mereka boleh membantu komuniti, bangsa, negara dan agama kelak.



## ECNA TERJEMAH MODEL NAQLI DAN AQLI UNIVERSITI

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dan Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP) menganjurkan Kongres Pendidikan Integrasi Naqli dan Aqli (ECNA 2015) pada 11 Jun 2015 bertempat di Dewan Kuliah Utama Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Ia disertai oleh 100 orang peserta termasuklah tokoh-tokoh pemikir dan warga akademik USIM. Sebanyak 40 kertas kerja dibentangkan yang membincangkan tiga kluster iaitu Pengajian Islam, Sains Sosial dan Sains.

Menurut Pengarah Program, Profesor Madya Dr. Bhasah Abu Bakar objektif penganjurannya adalah bagi mewujudkan perkongsian pelaksanaan model integrasi Naqli dan Aqli dalam pengajaran dan pembelajaran di USIM, dan menghasilkan bahan-bahan rujukan dalam pelaksanaan integrasi Naqli dan Aqli ke arah menjadi pusat rujukan bagi peringkat serantau pada 2016 dan global menjelang 2025.



"Fasa kedua pelaksanaan integrasi ilmu Naqli dan Aqli memfokuskan kepada menterjemahkan konsep Naqli Aqli dari fakulti masing-masing bagi membolehkan pelajar menguasai ilmu moden di samping mendapatkan suntikan roh dan nilai-nilai murni berlandaskan prinsip Islam".

"Bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, setiap kakitangan akademik USIM disaran melaksanakan pendekatan Action Research bagi setiap subjek yang diajar," ujarnya.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Dr. Abdullah Md Zin, penasihat agama kepada YAB Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir sama Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM dan Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

## SUSTAINABILITY CAMPUS – TESCO JOINS THE USIMBIOSIS CAMPAIGN

By : Mohd Zaini Othman

Realising the importance of environmental sustainability, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) has launched an environmental awareness programme known as USIMBIOSIS.

With the theme 'Living Together', the campaign also witnessed 50 trees being planted around the campus, all sponsored by TESCO Malaysia. The aim of USIMBIOSIS is to create a sustainable campus and promote the importance of sustainability among students and staff.

Universiti Sains Islam Malaysia Vice-Chancellor Professor Dato' Dr. Musa Ahmad said that USIM was ranked 235 out of 360 universities from 62 countries in the UI-Green Metric World University Ranking in 2014.

"This shows that USIM is in making the right steps in improving the environment including cleaning the campus lake and building jogging and cycling tracks around the campus.



New initiatives have also been implemented to create better environmental sustainability such as reducing electricity consumption by up to 5% per year, carrying out a study on environmental awareness among the university community and reducing the use of polystyrene and plastic bags on the campus'.

Dato' Musa added that USIM has launched the 4R campaign (Reduce, Reuse, Recycle and Restore) through the use of transparent recycling bins around campus. In addition USIM is committed to the use of alternative energy such as solar power in certain areas of the campus such as bus stops.



## PENUNTUT USIM PENDEBAT TERBAIK DI QATAR

Oleh: Mohd Zaini Othman

Pendebat Bahasa Arab, Anis Amirah Zakaria, 22, yang merupakan pelajar Tahun 3 Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengharumkan nama Malaysia apabila tersenarai sebagai antara tiga pendebat terbaik keseluruhan di International Arabic Debating Championship (IUADC) yang berlangsung di Qatar National Convention Centre pada 26 hingga 29 April 2015.

Kejohanan debat Bahasa Arab bertaraf antarabangsa ini disertai 67 buah pasukan yang membariskan lebih 300 pendebat universiti terpilih dari negara Arab dan bukan Arab seperti Tunisia, Sudan, Kuwait, Yaman, Morocco, Amerika Syarikat, Korea, China, German, Australia, India, Pakistan, Brunei, Malaysia, Perancis, Poland dan German.

“Ini merupakan pencapaian terbaik saya dalam kejohanan debat antarabangsa. Saya menyertai debat Bahasa Arab sejak sekolah lagi ketika menuntut di Kolej Sultan Alam Shah (KISAS). Ini memberi motivasi yang tinggi kepada saya untuk terus menguasai Bahasa Arab dengan lebih mendalam”.

“Peluang yang diberikan USIM untuk ke Qatar ini amat saya hargai dan berharap saya dan pasukan debat Bahasa Arab USIM diberi peluang menyertai pertandingan kompetitif sebegini di masa hadapan,” ujar Anis.

*Berkongsi rahsia menguasai Bahasa Arab, beliau berkata menjadikan amalan seharian kerap membaca Al-Quran dan sentiasa meletakkan keinginan yang tinggi untuk mempelajari Bahasa Arab serta mencabar diri untuk lebih baik dalam setiap pertandingan debat yang disertai.*

Berkongsi rahsia menguasai Bahasa Arab, beliau berkata menjadikan amalan seharian kerap membaca Al-Quran dan sentiasa meletakkan keinginan yang tinggi untuk mempelajari Bahasa Arab serta mencabar diri untuk lebih baik dalam setiap pertandingan debat yang disertai.

Anis Amirah mendapat kedudukan di tempat kedua, manakala penuntut dari UM, Azwan Kamarudin mendapat tempat pertama dan tempat ketiga disandang oleh penuntut dari Amerika Syarikat.

Pertandingan dwi tahunan yang memasuki edisi ketiga sejak mula dianjurkan pada 2011 dinaungi oleh

Syeikh Hind Hamad Al Thani, Timbalan Presiden Yayasan Qatar. Kejohanan Debat Qatar selama empat hari ini bertujuan menggilap potensi peserta melalui budaya diskusi dan debat bagi membentuk masyarakat global dan melahirkan pemimpin masa hadapan.

## PROFESOR PERGIGIAN USIM KONGSI KEPAKARAN

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Pengalaman luas dalam bidang Kesihatan Pergigian Masyarakat menjadikan Prof. Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir Wan Othman seorang ahli akademik yang disegani dikalangan kakitangan jururawat pergigian dan masyarakat setempat. Beliau yang merupakan profesor di Fakulti Pergigian USIM sejak tahun 2006 telah menyiapkan manuskrip bertajuk "The Unsung Hero: A Tribute To Dental Nurses" yang dikongsikan pada Majlis Syarahan Perdana bertempat di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM pada 18 Mei 2015.

Menurut Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, program Syarahan Perdana merupakan medium yang terbaik bagi ahli akademik berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka dalam bidang kepakaran masing-masing dengan warga universiti dan masyarakat umum. Ia juga menjadi platform



untuk para cendekiawan akademik meningkatkan tahap keserjanaan mereka seterusnya memberikan sumbangsaran serta idea bernas untuk kemajuan dan pembangunan universiti dan negara.

"Adalah menjadi harapan saya agar platform ini mampu mewujudkan satu paradigma baharu dan cetusan inspirasi serta galakan kepada ahli akademik yang lain untuk turut berkongsi kepakaran masing-masing khususnya kepada warga USIM", ujar beliau.

Majlis Syarahan Perdana ini dihadiri oleh lebih 300 tetamu dari mahasiswa pergigian, kakitangan jururawat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pegawai pergigian KKM. Majlis turut diserikan dengan perarakan masuk Ahli Senat Universiti.

## SEMINAR KEBANGSAAN FIQH PERGIGIAN BINCANG ISU DAN KEPAKARAN

Oleh : Noorumaina Mohamed Yunus

Selaras dengan visi dan misi USIM untuk mengimbangkan ilmu Naqli dan Aqli dalam pengamalan pergigian, Fakulti Pergigian Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) julung kali menganjurkan Seminar Fiqh Pergigian Peringkat Kebangsaan pada 8 Mei 2015 bertempat di Dewan Tuanku Canselor USIM.

"Objektif penganjurannya adalah untuk memperkenalkan konsep fiqh secara umum, mengaitkan ilmu fiqh selari dengan ilmu pergigian, memberi pendedahan kepada pengamal pergigian tentang isu fiqh pergigian dan memantapkan pengetahuan semasa membuat rawatan pergigian," ujar Pengarah Program, Dr. Aspalilah Alias.

"Seminar Kebangsaan Fiqh Pergigian merupakan salah satu rentetan usaha fakulti untuk meningkatkan lagi kefahaman tentang konsep integrasi Naqli dan Aqli, selain bermatlamat untuk menjawab persoalan



dan kemusykilan di kalangan pengamal pergigian dan orang awam khususnya tentang hukum hakam dan keboleharusan sesuatu rawatan pergigian itu dari pandangan Islam," ucap Dekan Fakulti Pergigian USIM, Dr. Haslinda Ramli.

Ucapterima disampaikan oleh SS Datuk Dr. Zulkifli Mohammad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan yang bertajuk Fiqh Pengenalan dan Kepentingan, di mana beliau menegaskan dalam Islam amalan penjagaan dan kebersihan diri amat dituntut dalam Islam. Seramai 700 orang peserta hadir manakala tujuh penceramah jemputan antaranya pakar pergigian dari Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.





## USIM WON FIVE GOALS IN ITEX 2015

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Universiti Sains Islam Malaysia won five gold medals and one silver medal at the International Invention and Innovation Exhibition (ITEX) which was held at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) on the 21st to the 23rd of May, 2015.


Gold medals were received by Prof. Datin Dr. Sapura Sipon, Faculty Leadership and Management, for her product named Informer On Site; Dr. Azman Ab Rahman, Faculty of Sharia and Law for MYEMA product version 3.0 (Entrepreneur Monitoring App); Dr Hishamuddin Abdul Wahab, Faculty of Science and Technology with the product named EZ Pay version 1.1; and Dr. Wifāq Mokhtar Ahmad, The World Fatwa Management and Research Institute (INFAD) with the product The Model of Maqasid al-Shariah (MMS) for Decision-Making Process in Critical Medical Treatment.

Mahyuddin Hashim, Faculty of Quran and Sunnah won a gold medal for his product Smart IQRA' Braille and Dr. Abdul Rahman Hassan, from the Faculty of Science and Technology won a silver medal for his product Novel Chitosan-Bio-Active Waste Ultrafiltration (Chitobauf) Membranes for Bio-Industry.


The International Invention and Innovation Exhibition, an international exhibition organised by MINDS (Malaysian Invention and Design Society) is a platform for local and international inventors and scientists to promote their product research and innovation.

It also provides an opportunity for universities, research institutions and companies from ASEAN countries, Asia and Europe to show their latest inventions.





Screenshot muka depan platform Apple iTunes U USIM melalui peranti Apple iMac



Screenshot muka depan platform Apple iTunes U USIM melalui peranti Apple iPad



Contoh paparan muka depan sebuah video di dalam Apple iTunes U USIM.

## USIM UNIVERSITI AWAM PERTAMA TERSENARAI APPLE iTunes U

Oleh: Ahmad Farid Mohd Jamal

Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global atau Global Open Access Learning Centre (GOAL Centre) telah ditubuhkan pada Oktober 2011 bagi membangun, melaksana dan melestarikan e-pembelajaran di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Salah satu output yang disasarkan adalah untuk menyediakan saluran proses pemindahan atau perkongsian pengetahuan kepada masyarakat (*sustainable change in knowledge transfer and community engagement*).

Kerjasama antara USIM dan Apple Education (M) telah dimulakan sejak penghujung tahun 2014, manakala usaha awal untuk mendaftarkan USIM ke dalam platform Apple iTunes dimulakan pada Februari 2015. Pendaftaran USIM telah diluluskan pada 28 April 2015 dengan Naib Canselor sebagai ketua, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) sebagai pemantau dan Pengarah GOAL Centre selaku Ketua Projek. Penyenaraian USIM ke dalam platform ini telah menjadikan USIM sebagai Universiti Awam (UA) pertama di Malaysia yang tersenarai di dalam Apple iTunes U.


Apple iTunes U mempunyai katalog terbesar bagi bahan pembelajaran percuma dari serata dunia. Selain itu juga, Apple iTunes U menyediakan pendaftaran program/kursus secara

percuma dan tanpa had. Selain pembelajaran dalam talian, bahan yang telah dimuat naik ke dalam peranti Apple juga boleh diakses secara offline, selaras dengan hasrat untuk meluaskan akses kepada pendidikan.

Usaha memperkaya kandungan Apple iTunes U dimulakan dengan memilih dan menempatkan video Open Educational Resources USIM yang mempunyai unsur integrasi Naqli dan Aqli. Langkah ini akan diteruskan dengan menempatkan tiga (3) kursus Massive Open Online Course (MOOC) USIM ke dalam iTunes U menjelang akhir tahun 2015. Penghasilan iBook pula akan diusahakan bermula tahun 2016 dengan kerjasama fakulti di USIM.

Sehingga Jun 2015, iTunes U USIM telah menempatkan lebih dua belas (12) buah video melalui 7 kategori. Rekod akses juga menunjukkan bahawa iTunes U USIM telah dikunjungi dari pelbagai negara termasuk Amerika Syarikat dan China.

“Syabas dan ribuan terima kasih kepada pihak yang terlibat dalam usaha penyenaraian USIM dalam platform ini, diharap agar ianya terus diperkaya dengan bahan bermutu yang memaparkan keunikan integrasi Naqli dan Aqli di USIM,” ucap Naib Canselor dalam satu kenyataan.







## SUKAN BOWLING ERATKAN USIM DAN PENGAMAL MEDIA

Oleh: Mohd Zaini Othman

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meraikan pengamal media melalui penganjuran 'Media Night with Stracomm 2015' pada 23 April 2015 bertempat di Pusat Bowling Mydin Mall, Seremban 2. Program anjuran Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM turut mendapat kerjasama Kelab Wartawan Negeri Sembilan (i-KWAN).

Seramai 32 pengamal media mewakili pelbagai agensi antaranya Utusan Malaysia, Berita Harian, Harian Metro, Sinar Harian, News Straits Times, N9 Kini, Kosmo, BERNAMA, TV Alhijrah, TV3 dan RTM menyertai program ini.

Objektif penganjuran adalah sebagai tanda penghargaan dan meraikan rakan media yang sentiasa memberi kerjasama baik melalui publisiti dan promosi berkaitan kejayaan dan pencapaian USIM dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan, kecemerlangan pensyarah dan pelajar serta program anjuran universiti yang berimpak tinggi.

Turut serta bermain bersama media adalah Pengurusan Universiti iaitu Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani; Pendaftar USIM, Encik Muhammad Haizuan Rozali; Pengarah StraComm, Dr. Faizal Kasmani dan jemputan khas daripada kakitangan Istana Negeri Sembilan.

"Media cetak dan elektronik merupakan entiti penting yang membawa USIM dekat kepada masyarakat. Melalui Pelan Strategik USIM 2013-2025 yang memfokuskan universiti sebagai universiti rujukan dalam niche (kebitaraan) Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di peringkat serantau pada 2016 dan global menjelang 2025, media secara langsung terlibat dalam merealisasikan hasrat murni ini".

"Sebagai perbandingan, pada Januari sehingga Mac 2014, hits media USIM adalah sebanyak 267 hits dengan PR Value mencecah RM2.5 juta, manakala bagi tempoh yang sama untuk tahun ini, jumlah hits yang kita perolehi adalah sebanyak 418 hits dan PR Value mencecah RM8.9 juta. Bagi tempoh ini, purata USIM dipaparkan di media adalah sebanyak 139 berita per bulan, 35 berita per minggu atau 5 berita per hari. Ini merupakan peningkatan yang amat ketara dan memberi indikasi yang sangat positif".

"Program riadah bowling ini dipilih kerana ia berbentuk santai dan menonjolkan kerjasama berkumpulan selain itu ia secara tidak langsung mendekatkan Pengurusan Universiti dengan pengamal media dan membina hubungan strategik dengan agensi media cetak dan elektronik," ujar Naib Canselor.

USIM bercadang untuk 'lebih intim' dengan pengamal media antaranya termasuklah melibatkan pengamal media dalam aktiviti berimpak tinggi sama ada dalam atau luar negeri, melantik pengamal media sebagai mentor kepada pelajar komunikasi dan pelajar yang berminat dalam penulisan artikel.

Utusan Malaysia menunjukkan taringnya apabila menjuarai kategori Berkumpulan dan Individu manakala Harian Metro dan Unit Fotografi NSTP muncul Naib Johan dan Ketiga dalam yang sama. Para pemenang masing-masing menerima hadiah berupa wang tunai, trofi dan hamper.









## KOMPLEKS KOLEJ PERMATA INSAN USIM SIAP SEPENUHNYA PADA JANUARI 2016

Oleh: Mohd Zaini Othman

Pembinaan Kompleks Kolej PERMATA Insan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di atas tanah seluas 12 ekar dijangka siap sepenuhnya pada Januari tahun hadapan. Dengan kos sebanyak RM 68 juta melalui peruntukan Jabatan Perdana Menteri (JPM), ia telah siap 73 peratus dan menepati jadual pembinaannya.

Dibahagikan kepada dua fasa, pembangunan projek Fasa 1 yang meliputi asrama lelaki, blok informasi digital dan kemudahan pelajar telah selesai pada 12 Januari 2015 dengan kos RM21 juta. Ia telah digunakan oleh kumpulan pertama pelajar Kolej PERMATA Insan seramai 50 orang. Manakala, pembangunan Fasa 2 merangkumi blok pentadbiran, asrama perempuan, blok pembelajaran dan pengajaran (P&P), dewan serbaguna, Pusat Al-Abrar dan Dewan Makan.

Menurut Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Pengarah Kolej PERMATA Insan, proses permohonan Kolej PERMATA Insan untuk menjadi Institusi Pendidikan Bantuan Kerajaan (IPBK) sekarang diperingkat akhir kelulusan Kementerian Pendidikan.

“Ini merupakan prosedur yang perlu kita patuhi dan apabila permohonan ini lulus kelak, Kolej ini akan memohon status sebagai Sekolah Berasrama Penuh (SBP) seperti mana Sekolah PERMATA Pintar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Silibus akademik dan kurikulum kita yang sedia ada menepati ciri-ciri SBP dengan tenaga pengajar seramai 13 orang pensyarah, tujuh orang guru tasmai’ Al-Quran dan lima kakitangan pentadbiran. Diperingkat sekolah rendah, seramai 250 murid terpilih yang berumur lapan hingga 12 tahun sedang mengikuti modul khas program PERMATA Insan,” ujarnya.

Kejayaan terkini pelajar sulung Kolej PERMATA Insan ialah seramai 18 orang pelajar dipilih oleh Apple Malaysia ke Islamic Education Leadership Summit 2015. Di sana mereka menunjukkan kemahiran menghasilkan bahan pembelajaran interaktif dalam versi Bahasa Melayu, Inggeris, Arab dan tulisan Jawi. Ia dapat digunakan secara berkesan dan meluas untuk sesi pembelajaran berasaskan SMART Classroom. Sebagai langkah permulaan, ia adalah pencapaian yang cukup membanggakan.

Kejayaan terkini pelajar sulung Kolej PERMATA Insan ialah seramai 18 orang pelajar dipilih oleh Apple Malaysia ke Islamic Education Leadership Summit 2015.







## USIM PERKUKUHKAN KERJASAMA KOMUNITI BERSAMA SMK TAMAN TUANKU

Oleh : Mohd Asri Husain

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus komited dalam memperkukuhkan kerjasama komuniti apabila turut bersama-sama menyokong usaha membasmi masalah gejala penagihan najis dadah di peringkat sekolah menerusi penglibatan Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Dadah Asian (ACREDA), USIM dalam Minggu Pendidikan & Pencegahan Dadah-Sarana Komuniti di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tuanku Jaafar, Seremban pada 6 Mei 2015.

Objektif program diadakan adalah untuk menyahut seruan kerajaan untuk memerangi gejala najis dadah habis-habisan di samping memastikan sekolah bebas daripada gejala najis dadah. Pada masa yang sama, program ini diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada warga sekolah dan komuniti tentang bahaya penyalahgunaan najis dadah. Selain itu juga, program ini akan dapat membantu memupuk sikap dan pendirian yang teguh di kalangan pelajar bagi membuat penilaian sesuatu tindakan yang mereka lakukan.

"Program yang dianjurkan ini telah dirancang dan dilaksanakan dengan objektif untuk menunjukkan komitmen dan keprihatinan semua agensi yang terlibat dalam usaha meningkatkan kesedaran tentang masalah penyalahgunaan najis dadah dalam kalangan masyarakat. Kempen ini menekankan kepentingan dan tanggungjawab setiap lapisan masyarakat untuk menjauhi daripada gejala penyalahgunaan najis dadah," tambah Dato' Musa.

Antara pengisian istimewa program adalah kemunculan En Hamzah Abdul Rahim, Bekas Banduan Akhir Tali Gantung yang turut berkongsi pengalaman beliau yang meringkuk di dalam penjara hampir 30 tahun akibat kesalahan mengedar dadah dalam forum yang diadakan selepas majlis perasmian.

Majlis Perasmian Minggu Pendidikan & Pencegahan Dadah-Sarana Komuniti SMK Tunku Jaafar, Seremban telah disempurnakan oleh YBhg. Prof Dato' Dr Musa Ahmad, Naib Canselor, USIM. Hadir sama Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, En Omar Ahmad, Pengetua Cemerlang, SMK Taman Tuanku Jaafar, Seremban, YBhg Kolonel Shamsirudin Mohd Sharif, Yang Di Pertua Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG), SMK Tman Tuanku Jaafar, dan juga YBhg Dato' Dr Abdul Halim Husin, Pengarah Jabatan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Dalam ucapan perasmian tersebut, YBhg Dato' Dr Musa Ahmad memuji usaha yang dijalankan oleh pihak SMK Taman Tuanku Jaafar hingga membolehkan program ini dilaksanakan dengan sempurna.



## USIM KUTIP RM 86,000 ROYALTI JUALAN BUKU ILMIAH

Oleh : Mohd Zaini Othman

Hasil royalti jualan buku ilmiah tahun 2015 dan 2016 sebanyak RM 89,683.52 telah diagihkan dalam bentuk wang tunai kepada para penulis di Majlis Kalam Bitara 2015 anjuran Bahagian Penerbitan USIM pada 14 Mei bertempat di Nilai Springs Resort Hotel.

Kejayaan kutipan royalti ini banyak dibantu oleh kerjasama strategik Bahagian Penerbitan USIM dengan penerbit luar termasuklah diperingkat tempatan serta kepercayaan yang diberikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan Kota Buku memberi cerminan bahawa para pensyarah USIM mampu menghasilkan buku-buku bermutu

Universiti turut menyampaikan insentif kepada ahli akademik yang menghasilkan penulisan jurnal berindeks seperti SCOPUS, ISI dan ERA. Seramai 87 ahli akademik menerima insentif keseluruhan berjumlah RM 69,400 untuk jurnal terbitan 2014.



Pada majlis yang sama, pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Prof Madya Dr. Sapora Sipon menerima Anugerah Royalti Tertinggi dan Anugerah Buku Terlaris (Bahasa Melayu) bagi buku 'Teori Kaunseling dan Psikoterapi', Dr. Muhammad Rodhwan Ab. Aziz dipilih penerima Anugerah Buku Terlaris (Bahasa Inggeris) dan Dr. Azman Ab. Rahman menerima Anugerah Penulis Aktif.

"Penerbitan buku contohnya adalah satu kaedah memasyarakatkan ilmu kepada dunia luar supaya ilmu kalam itu tidak tercerna dalam diri sendiri. Keilmuan dan masyarakat Islam tidak pernah terpisah," kata Naib Canselor yang turut meraikan majlis.

## PERPUSTAKAAN DAN PENERIT USIM SEMARAKAN SAMBUTAN HARI BUKU SEDUNIA

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Bersempena Sambutan Hari Buku Sedunia 2015, satu sambutan di peringkat Universiti telah diadakan pada 26 hingga 29 Mei 2015 yang diurusetikan oleh Jabatan Perpustakaan dengan kerjasama Bahagian Penerbitan.

Sambutan Hari Buku Sedunia 2015 ini adalah sebagai mekanisme untuk menyemarakkan budaya dan memupuk minat membaca kalangan pelajar. Ia juga memberi peluang kepada warga USIM dan pelajar sekolah untuk menyertai aktiviti-aktiviti pembudayaan ilmu yang dijalankan sepanjang sambutan ini.

Hari Buku Sedunia yang disambut setiap 23 April adalah bersempena mengingati dua orang penulis tersohor di dunia iaitu William Shakespeare dan Miguel deCervantes. Tercetusnya tarikh 23 April sebagai Hari Buku Sedunia dan



juga Hari Hak Cipta Sedunia merupakan rentetan daripada resolusi dalam persidangan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) di Paris pada 15 November 1995.

Pelbagai aktiviti menarik yang diadakan sepanjang empat (4) hari berlangsung antaranya adalah ceramah, aktiviti jualan buku, pameran & kuiz, tayangan perdana dan pelbagai jenis pertandingan untuk mahasiswa dan pelajar sekolah. Turut diadakan pelancaran buku 'Perjalananku Bersama Al Quran' oleh Dr. Shafie Md. Amin yang dikendalikan oleh Galeri Ilmu Sdn. Bhd.



## FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI KUASAI GELANGGANG SUFA 2015

Oleh: Exco Sukan dan Pembangunan Belia MPP USIM

Sukan Antara Fakulti (SUFA) 2015 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memasuki edisi ke-14 anjuran Pusat Sukan USIM melabuhkan tirainya setelah membuka gelanggang rasmi pada 4 April. Pertandingan yang diadakan di Kompleks Sukan Tunku Najihah mempertandingkan 13 acara utama seperti bola sepak, bola jaring, bola tampar, sepak takraw, futsal, tenis, ping pong, badminton, memanah, bola baling, catur dan olahraga telah disertai oleh lapan buah Fakulti di USIM.

Kehebatan para atlit Fakulti Sains dan Teknologi (FST) ternyata sukar digugat apabila menunjukkan penguasaan dalam acara balapan seperti 100m, 200m, 800m, 4x100m dan 4x400m dengan membolot lapan pingat emas daripada 12 pingat emas yang dipertandingkan. Fakulti lain juga turut memberikan saingan sengit antaranya kontinjen Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dengan 6 emas, 7 perak dan 4 gangsa diikuti Pengajian Bahasa Utama dengan 3 emas, 10 perak dan 5 gangsa.



“Perkembangan sukan semakin baik di USIM ditambah dengan penganjuran SUFA kali ini, banyak bakat baru mula menyerlah. Saya berharap bakat yang dicungkil menerusi acara yang dipertandingkan pada SUFA 2015 dapat diketengahkan untuk mewakili USIM dalam kejohanan MASUM yang bakal berlangsung pada bulan Ogos 2015”.

“Setelah pelbagai program sukan peringkat dalaman dilakukan, kini tiba masanya kita memfokuskan kejohanan peringkat kebangsaan bagi membuktikan atlet USIM bukan calang-calang demi memburu lebih banyak kutipan pingat dalam kejohanan kompetitif,” ujar Amin.

Majlis perasmian penutup disempurnakan oleh Pengarah Pusat Sukan USIM, Encik Hamran Husin. Para pemenang bagi setiap acara masing-masing menerima hadiah berupa piala, pingat dan hamper.

## PENGIKTIRAFAN KEPADA OLAHRAGAWAN DAN OLAHRAGAWATI USIM 2014

Oleh: Mohd Zaini Othman

Khairul Rozikin Abu Kassim, pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dan Ain Najwa Mohd Latif, pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) masing-masing dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2014.

Khairul Rozikin yang berasal dari Selangor menyinar dalam acara futsal apabila mewakili Malaysia ke Sukan Universiti Asean kali ke-17 di Palembang, Indonesia pada tahun lalu. Menghadihkan negara dengan pingat gangsa, beliau membuktikan bahawa USIM juga mempunyai bakat berharga bertaraf antarabangsa.

Bagi Ain Najwa, mewakili USIM dalam acara Pencak Silat dalam Kejohanan Silat MASUM tahun lalu dan berjaya menggondol Pingat Perak, ternyata memberi tuah kepadanya untuk dipilih sebagai Olahragawati USIM kali ini.



Majlis ini adalah platform untuk menghargai sumbangan dan komitmen yang diberikan oleh atlit khususnya dan mereka yang aktif dalam pembangunan sukan di USIM sepanjang tahun 2014 diperingkat domestik dan antarabangsa. Ia sebagai dorongan dan motivasi kepada penggiat sukan untuk bersama menjayakan sukan universiti dan negara dengan lebih cemerlang. Kesemua penerima anugerah diraikan oleh Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM dan Pengurusan Kanan Universiti.



## DR HAZMI PENSYARAH PELAWAT DI TIMOR LESTE

Oleh : Mohd Zaini Othman

Dr. Mohd Hazmi Mohd Rusli, pensyarah kanan di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah dipilih sebagai Pensyarah Pelawat Asing pertama di Department of International Studies, Universidade Nacional Timor Lorosa'e (UNTIL), Dili Timor Leste. Beliau yang berada di sana bermula 1 hingga 6 Mei 2015 dijemput untuk berkongsi kepakaran dalam undang-undang laut antarabangsa.

"Pihak UNTL meminta saya agar menyampaikan syarahan yang memfokuskan kepada hak pelayaran dan navigasi menerusi Selat bagi pelayaran antarabangsa, undang-undang pelayaran menerusi laut kepulauan (laut kepulauan Indonesia) dan untuk mengulas permasalahan sempadan maritim di antara Timor-Leste dengan Indonesia serta Timor-Leste dengan Australia".

"Saya menyampaikan dua syarahan yang bertajuk Law of the Sea Convention 1982 (LOSC) and its Implication on South East Asia: With Special Reference to Timor Leste dan Maritime Boundary Issues in the Timor Sea and the Ombai-Wetar Straits".

"Selain itu, saya juga diminta untuk menjalankan kuliah bagi kelas-kelas sarjana muda undang-undang di situ. Para pelajar di sini amat proaktif dan pelbagai soalan ditanyakan kepada saya terutama permasalahan batas maritim dan usahasama penerokaan minyak yang dilakukan oleh Timor-Leste dengan Australia" ujarnya.

"...Mereka juga memuji Malaysia dan berkeinginan untuk mencontohi kejayaan Malaysia dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan negara".

Selain UNTL, Dr Hazmi juga diundang untuk memberikan syarahan di universiti swasta pertama Timor-Leste, iaitu Universidade Da Paz.

"Para pelajar Timor Leste mempunyai keinginan untuk belajar dan memajukan negara mereka yang baru merdeka itu. Mereka juga memuji Malaysia dan berkeinginan untuk mencontohi kejayaan Malaysia dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan negara".

Semasa di sana juga, beliau turut berkongsi bersama ahli akademik dan pelajar mengenai sistem perundangan Malaysia (yang mana salah satu sumber perundangan di Malaysia ialah undang-undang Islam) dan berpeluang untuk melihat sendiri keindahan pantai-pantai di sekitar kota Dili yang sememangnya jarang dikunjungi oleh rakyat Malaysia.

Dr. Hazmi merupakan Profesor Pelawat, School of Law, Far Eastern Federal University, Vladivostok, Russia; Penyelidik Bersekutu, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Penyelidik Bersekutu Pasca-kedoktoran Kehormat, Australian National Centre for Ocean Resources and Security, University of Wollongong, Australia.



## PEMBANGUNAN SUKAN DALAM KAMPUS DAN BUDAYA RIADAH



Adalah amat penting menghidupkan budaya riadah dan menggalakkan pembangunan sukan dalam kampus. Ia seiring usaha melahirkan mahasiswa yang mempunyai ciri unggul dan sentiasa berdaya saing. Di setiap kampus, pasti terdapat prasana sukan tersendiri. Sebagai mahasiswa, kita perlulah memanfaatkan kemudahan yang disediakan supaya seiring dengan pembangunan intelektual mahasiswa itu sendiri. Pepatah arab ada menyebut “Al-Aqlussalim Fi Jismisallim” yang bermaksud akal yang cerdas terletak pada badan yang cergas. Proses menuntut ilmu akan terbantut apabila badan kita lemah dan tidak berdaya.

Mengambil contoh di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) menerusi Biro Sukan dan Pembangunan Belia telah melancarkan satu kempen jangka masa panjang bagi melestarikan budaya sukan dalam kalangan warga kampus. Kempen ‘Fit USIM’ dilaksanakan sebagai satu galakan kepada warga kampus untuk melakukan aktiviti fizikal tanpa mengira samada mereka atlet ataupun tidak.

Pihak pentadbiran memainkan peranan besar dalam menyediakan kemudahan dan peralatan sukan yang seharusnya mengikut standard supaya dapat melahirkan atlet yang seimbang. Penyediaan prasarana yang lengkap secara tidak langsung memberi alternatif kepada mahasiswa untuk bersukan mengikut citarasa. Misalnya di USIM, aktiviti berbasikal telah mendapat tempat di hati mahasiswa apabila Menteri Besar Negeri Sembilan sudi menghadihkan 50 buah basikal kepada USIM. Laluan khas buat pengguna basikal turut diadakan untuk tujuan keselamatan jalanraya. Usaha sebegini dilihat sangat baik demi menggalakkan warga kampus untuk beriadah. Kejohanan sukan sedia ada di peringkat kolej kediaman dan fakulti dilihat menjadi platform terbaik untuk mahasiswa menonjolkan bakat mereka. Sukan yang dipertandingkan pula haruslah menepati piawaian yang ditetapkan agar kualiti terjaga dan tidak syok sendiri. Kemudian, pihak universiti mestilah memilih atlet yang terbaik dan berpotensi untuk mewakili universiti masing-masing dalam kejohanan sukan yang lebih besar. Pemilihan yang diadakan perlulah telus dan tidak memilih bulu.

Walaupun bagaimanapun, banyak aspek perlu diperhalusi dengan lebih teliti agar perancangan pembangunan sukan di universiti tampak lebih sistematik dan terkehadapan. Sudah tiba masanya pihak universiti mengadakan

perbincangan yang serius bagi membincangkan halatuju sukan dan plan strategik di kampus masing-masing. Perbincangan tersebut haruslah melibatkan mahasiswa supaya agenda yang ingin dilaksanakan tidak bertepuk sebelah tangan. Saya yakin jika semua kampus membuat perancangan yang jitu untuk pembangunan sukan tentu dapat menguntungkan negara tanpa projek pembangunan sukan yang menelan kos berjuta-juta namun kurang nampak kesannya.

Bagi merencanakan lagi pembangunan sukan dalam kampus, mahasiswa seharusnya didedahkan dengan program sukan yang berskala besar seperti penganjuran larian beramai-ramai dan sukan rakyat. Penganjuran program sebegini bukan sahaja dapat memupuk perpaduan dalam kalangan warga universiti malahan secara tidak langsung memberi peluang kepada seluruh mahasiswa untuk terlibat sama dalam aktiviti sukan.

Setiap kampus juga boleh mengambil contoh usaha yang dibuat Menteri Belia dan Sukan, YB Khairy Jamaluddin. Beliau menetapkan semua kakitangan kerajaan wajib turun bersenam pada waktu tertentu. Polisi ini disambut baik semua pihak kerana amat sesuai dilaksanakan dan memberikan banyak manfaat. Sebagai contoh di USIM setiap hari Rabu diisytiharkan sebagai hari sukan universiti yang mana setiap jabatan perlu mengendalikan acara sukan seperti senamrobik dan berbasikal. Pada waktu tersebut suasana kampus dilihat meriah dengan pelbagai aktiviti sukan lain.

Akhir kata, pembangunan sukan dalam kampus perlu diberi perhatian sewajarnya oleh semua pihak termasuk pihak pentadbiran dan badan pelajar. Perancangan yang teliti dan langkah yang tersusun haruslah dilakukan demi memenuhi aspirasi negara dalam melahirkan modal insan seimbang dan berkualiti dalam pencapaian akademik dan penglibatan bidang sukan.

Rasulullah SAW pernah bersabda, “Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disukai Allah berbanding mukmin yang lemah.” (Riwayat Muslim).

## RM 20 JUTA - KOMPLEKS PUSAT ISLAM USIM BAKAL RANCAKKAN AGENDA ISLAM SETEMPAT

Oleh: Mohd Zaini Othman

Projek pembangunan Pusat Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kos RM 20 juta berhampiran Bangunan Canselori Universiti telah berjalan mengikut jadual oleh kontraktor yang dilantik.

Kompleks Pusat Islam merupakan salah-satu binaan yang menjadi mercu tanda utama dalam pelan pembangunan Kampus Tetap USIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Atas faktor kekangan kewangan kerajaan, projek pembinaannya terhenti pada tahun 2002.

Pembinaannya yang strategik iaitu di antara Canselori dan Perpustakaan merupakan perlambangan kepada USIM sebagai sebuah universiti Islam yang sentiasa memastikan elemen tadbir urus dan dasarnya (Canselori) dilaksanakan berdasarkan pertimbangan nilai keilmuan (Perpustakaan) dan bertunjangkan Al-Quran dan Sunnah (Pusat Islam).

“Melalui peruntukan baharu yang disalurkan oleh kerajaan pada tahun lalu, kerja-kerja tanah dimulakan semula pada Jun 2014. Kompleks Pusat Islam di atas tanah seluas 6500 meter persegi ini dibina setinggi dua tingkat meliputi ruang solat lelaki dan wanita berkapasiti 4000 jemaah serta pejabat pentadbiran, bilik imam, bilik VIP, bilik pengurusan jenazah, kaunter zakat dan beberapa kemudahan lain”.

“Pada pertengahan Mac lalu, kerja substructure telah selesai disiapkan dan kini penumpuan kerja adalah untuk menyiapkan tiang (column) dan lantai (slab) aras satu iaitu zon solat dan halaman (courtyard) masjid. Masjid ini juga mempunyai sebuah menara dengan struktur aras satu menara masjid ini juga telah disiapkan,” ujar Naib Canselor USIM, Prof. Dato’ Dr. Musa Ahmad.

Selain mempunyai menara, masjid ini akan mempunyai struktur binaan kubah utama yang berwarna biru sebagai kesinambungan struktur kubah di bangunan Canselori. Tempoh pembinaan yang memakan masa selama 22 bulan dengan jangkaan siap sepenuhnya pada April 2016 nanti.





## USIM TAWAR SARJANA MUDA KEWANGAN ISLAM DI OMAN

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

USIM memperluas jaringan kerjasama dalam bidang perbankan dan kewangan bersama College of Banking & Financial Studies (CBFS), dari Oman dalam satu Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di Galeri, Bangunan Canselori.

MoU yang berlangsung pada 18 Mei lalu adalah hasil lawatan kerja Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda, Pengarah Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli Aqli dan Prof. Madya Dr. Amir Shahrudin, Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat ke CBFS pada April tahun lalu.

"Sesi pertukaran idea dan perbincangan berterusan kedua belah pihak membawa kepada MoA yang dimeterai pada hari ini. Melalui perjanjian ini, USIM dilantik sebagai badan penilai dalam program Sarjana Muda dalam Kewangan



Islam di CBFS. Kerjasama ini akan bermula dari sesi akademik tahun 2015/2016 sehingga 2017/2018 bagi tempoh tiga (3) tahun berdasarkan kalendar akademik CBFS".

"USIM akan bekerjasama untuk mengkaji semula dan mengesahkan program CBFS dan memastikan program ini mengikut garis panduan jaminan kualiti seperti yang dipersetujui dengan USIM. Kita akan menyediakan garis panduan dan rangka kerja untuk penilaian dan peperiksaan mengikut standard kualiti yang dipersetujui," jelas Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad dalam ucapannya.

USIM diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad dan CBFS diwakili oleh Encik Ali Hamdan Mohamed, Penolong Dekan Sokongan Korporat, CBFS.

## USIM DAN DBP TERBIT TIGA BUAH BUKU BERSAMA

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

USIM dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) membuka lembaran baru dalam penerbitan buku ilmiah di negara ini melalui Memorandum Perjanjian (MoA) yang ditandatangani oleh kedua belah pihak pada 15 April lalu.

Kerjasama antara DBP dan USIM melalui Bahagian Penerbitan telah terjalin sekian lama sebelum ini antaranya mendapatkan khidmat kepakaran DBP dalam bengkel atau kursus yang berbentuk penulisan dan penerbitan. Sebagai sebuah badan kerajaan yang memartabatkan bahasa Melayu, DBP juga sering menjadi pusat rujukan bahasa kepada kakitangan dan pelajar USIM.

Menurut Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM, melalui memorandum perjanjian ini, terdapat tiga buah buku yang akan diterbitkan secara bersama iaitu Darah: Titisan Berharga Penyambung Nyawa ditulis oleh Noor Fadzilah bt Zulkifli dan Ku Mastura Ku Mohd Noor, Prinsip dan Amalan Pengurusan Zakat di Malaysia ditulis oleh Mohd Faisol Ibrahim dan Bersugi dan Kesihatan Pergigian Menurut Islam ditulis oleh Normaliza Ab. Malik dan Mohd Fauzi Mohd Amin.



"Ketiga-tiga buku ini juga telah dipilih berdasarkan judul dan pengisian yang lebih menjurus untuk bacaan masyarakat umum. Skop pembaca sasaran juga akan lebih meluas bukan sahaja khusus kepada bidang tertentu".

"Melalui kerjasama ini, jumlah cetakan bagi buku ini dapat ditingkatkan dan jaringan pemasaran akan lebih meluas dan terfokus. USIM dapat mengkhususkan pasaran kepada institusi pendidikan seperti universiti awam dan swasta, institusi perguruan serta kolej universiti," jelas Naib Canselor.

Majlis menandatangani memorandum menyaksikan USIM diwakili oleh Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM dan DBP diwakili oleh Datuk Dr. Awang Haji Sariyan, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.



## USIM DAN DUA UNIVERSITAS INDONESIA KONGSI ILMU PERUBATAN

Oleh : Syazlyna Jamil

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) gembira dan berpuas hati dengan program lawatan akademik dan pengantarabangsaan pelajar selama enam hari ke Makassar, Indonesia anjuran pelajar tahun 4 Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK). Seramai 46 orang pelajar tahun 4 dan 5 mengikuti program lawatan bersama pensyarah pengiring termasuklah Pengarah Pusat Pembangunan Hospital USIM.

Dalam menjalin hubungan baik antara USIM, Universitas Muhammadiyah (UnisMuh) dan Universitas Hasanuddin (UnHas), satu perbincangan tertutup dengan pengurusan tertinggi telah diadakan untuk mengukuhkan kerjasama antara Malaysia dan Indonesia pada masa akan datang. Sementara itu, para pelajar berpeluang melawat sekitar kawasan Universitas tersebut bagi meninjau kemudahan dan fasiliti perubatan antaranya pejabat fakulti, dewan kuliah, muzium anatomi, bilik diseksi, makmal komputer dan bilik kelab dan persatuan pelajar.

"Makassar yang terkenal sebagai pusat kajian ilmu Islam pada masa dahulu menjadi lokasi pilihan untuk mendedahkan pelajar dengan sistem kurikulum yang berbeza diamalkan di UnisMuh dan UnHas. Turut menjadi tarikan adalah keupayaan Universitas tersebut melatih bakal-bakal doktor melalui program Ijazah Doctor of Medicine (MD) di Fakultas Kedokteran yang sealiran dengan pelajar FPSK USIM," ucap satu kenyataan.

Selain itu, lawatan ke Fakultas Kedokteran UnHas membawa delegasi ke hospital universiti tersebut iaitu Rumah Sakit Universitas Hasanuddin (RS UnHas).

Dalam menggalakkan perkongsian idea, pelajar kedua-dua universiti saling bertukar pandangan mengenai rukhsah bersuci dan kemudahan solat untuk pesakit. Di sini, pelajar USIM berpeluang berkongsi hasil dapatan kajian rukhsah ibadah yang telah dijalankan di USIM. Menarik untuk dikongsikan adalah sesi forum antara wakil pelajar perubatan USIM dan wakil pelajar perubatan Malaysia di UnHas yang menyentuh isu hala tuju perubatan dalam Islam serta pembentukan identiti doktor Muslim yang mantap dan holistik bagi sebagai persediaan pelajar berhadapan dengan dunia pekerjaan akan datang.

Lawatan rumah ke rumah turut dijalankan yang menyajikan aktiviti ceramah kesihatan oleh pelajar perubatan USIM dan pemeriksaan kesihatan seperti ujian tekanan darah menggunakan sphygmomanometer serta pemberian sumbangan berupa keperluan makanan dan keperluan dapur untuk meringankan beban masyarakat desa di sana. Lawatan ke Pusat Kesihatan Masyarakat (PUSKESMAS) telah memperkenalkan pelajar dengan sistem khidmat masyarakat di Makassar yang menekankan aspek pencegahan, promosi dan rehabilitasi (Prevention, Promotion and Rehabilitation) yang tidak banyak bezanya dengan Malaysia selain mereka mempunyai perkhidmatan lawatan oleh pegawai perubatan ke rumah penduduk sekiranya diperlukan.

Diharapkan agar hubungan dua hala yang terjalin antara pihak USIM dengan UnisMuh dan UnHas bakal mewujudkan satu persefahaman positif dalam memartabatkan ilmu perubatan di samping mengeratkan hubungan silaturahmi dalam kalangan mahasiswa/i USIM dengan universiti berkenaan.



## KUMPULAN TABUH PENDETA JUARA KESELURUHAN I-FESSEM 2015

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Mengangkat tema dakwah dalam seni, keunikan penyampaian dan aksi dikir barat yang menarik menjadi titik kejayaan buat Kumpulan Tabuh Pendeta apabila diumumkan sebagai Juara Keseluruhan pada Majlis Festival Seni USIM 2015 (I-FESSEM 2015) yang berlangsung pada 15 Mei 2015 bertempat di Dewan Tuanku Canselor USIM.

Persembahan kumpulan yang dianggotai seramai 20 ahli ini mengetengahkan pelbagai bahasa iaitu Mandarin dan Tamil selain menerapkan unsur mesej dan nasihat.

Mokhtarudin Ismail yang merupakan tukang karut bagi kumpulan tersebut menyatakan perasaan terkejut kerana berjaya menambat hati para juri sekaligus membawa



pulung hadiah berupa hamper, sijil, trofi iringan dan wang tunai RM1000 pada majlis penyampaian hadiah di Malam Anugerah Seni keesokkannya.

Kumpulan Tabuh Pendeta telah menjuarai Pertandingan Dikir Barat antara IPT 2015 yang berlangsung di UPSI baru-baru ini, serta pernah melibatkan diri di dalam rancangan televisyen seperti Rasul Yang Kata di TV9, Karoot Komedia X, Maharaja Lawak Mega, Malaysia Hari ini dan pelbagai rancangan televisyen yang melibatkan seni dikir ini.

Sebanyak 15 kumpulan yang berentap pada malam itu.

## ACREDA LAKSANA PROGRAM KAMPUS BEBAS DADAH USIM 2015

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Isu penyalahgunaan dadah mampu menjejaskan bukan sahaja pembangunan masyarakat malah ekonomi negara. Atas kesedaran itu, Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) bersama pelajar Program Fleksi Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah (SPADA) dengan kerjasama pelajar Sarjana Kaunseling menganjurkan 'Program Kampus Bebas Dadah USIM 2015' bagi berkongsi cara didikan dan pencegahan penyalahgunaan dadah di peringkat USIM khususnya pada 29 April bertempat di Pusat Keusahawanan Pelajar.

Menurut Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani, Pengarah ACREDA, ia merupakan titik tolak kepada usaha ACREDA bagi memantapkan kesedaran semua pihak tentang ancaman dan bahaya dadah selaras dengan hasrat USIM untuk menjadi sebuah pusat rujukan dalam aspek-aspek berkaitan penyalahgunaan dadah melalui aktiviti penyelidikan, penerbitan, latihan dan perkhidmatan.

Bersempena Hari Antidadah Peringkat Kebangsaan, USIM dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan telah mengambil inisiatif dengan mensasarkan program



kerjasama Siri Kursus Asas Kaunseling dan Pengurusan Klien kepada pegawai AADK. Kursus ini akan diuruskan oleh pihak ACREDA untuk mempertingkatkan kompetensi para pegawai AADK dan melahirkan warga yang mampu memberi impak yang bermakna kepada bidang pengurusan, pendidikan, pencegahan, rawatan dan pemulihan dalam menangani masalah dadah di negara ini.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Azizan Ariffin, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Turut hadir Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM, Prof. Madya Dato' Dr. Abd Halim Mohd Hussin, Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).



# STUDENTS FROM INDONESIA AND THAILAND JOIN USIM'S I-GSN JAMBOREE

By : Noorumaina Mohamed Yunus

Ninety-eight students from Indonesia and Thailand joined a Jamboree Programme known as i-GSN (Global Islamic School Network) held by USIM 'Alamiyyah from the 4th to the 7th of May, 2015.

The i-GSN is an initiative where students from schools and colleges abroad are invited to experience the USIM 'way of life' and learn more about the academic services offered by the university.

In addition, it opens up various opportunities for cultural interaction, language diversity, understanding different backgrounds and the spirit of brotherhood among local and international students.

The i-GSN also provides an opportunity for students from local universities such as Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and the International Islamic University Malaysia (IIUM) to share their experiences.

In this programme, participants were divided into groups consisting of 10 participants and a buddy represented by an USIM student. Throughout the four-day programme, several activities were held such as academic talks and discussion sessions with the International Student Society (ISS) and the Student Representative Council (SRC) of USIM.

There was also an exhibition on Malaysian culture including the inter-cultural programme organised by Tourism Malaysia Negeri Sembilan.





# Cenderawasih

muncul kumpulan di luar bandar



## USIM perkenal skim wakaf gaji

**Pelajar kita pendebat terbaik bahasa Arab**



## Pelajar perubatan USIM dekati OKU

**Jism sambuti pelajar baharu**



## Buku terbitan USIM terima royalti tinggi



## Lonjak tadbir urus cekap



## MAC lahir pemidato USIM



## PPPM (PT) si

**Koronak kulit pisang**



## Menjejaki Melayu Islam Australia

**Usim cipta aplikasi e-pemantauan**



## AirAsia meterai MoA beri manfaat 20 IPTA



## Projek wakaf al-Quran dapat sambutan



## USIM: Anjur Seminar Fiqh Pergigian

**Pendebat USIM raih Piala Ratu Khalidun**



## 200 mahasiswa USIM sertai program Tautan Mahabbah



## 100 pelajar dari Indonesia dan Thailand lawat USIM



## Kepakaran perubatan USIM digariskan di luar bandar



## Graduan USIM terima Pingat Tunku Abdul Rahman



## Rekaan 'arkitek muda' USIM diiktiraf



## Khairul, Ain Najwa olahragawan USIM 2014



## Kongres himpun pemikir Usim

**10 kertas kerja dibentangkan membincangkan tiga kementerian**



## Irfan Faruqi Juara pidato



## Pensyarah USIM jadi Pensyarah Pelawat Asing di UNTL



## Beg kecemasan tahan lasak



## Jana kelestarian alam



## Pelajar UM, USIM unggul debat bahasa Arab di Qatar



## Amal baca al-Quran setiap hari



## Hassan dilantik Timbalan Naib Canselor USIM



## Cipta nama di pentas antarabangsa



## Tun Zaki dilantik Profesor Adjung USIM





**PIONEERING ISLAMIC SCIENCE SPEARHEADING KNOWLEDGE****Editor:** Ernie Suzana Ali | Norlelawati Arifin**Price:** RM 32.00**ISBN:** 978-967-440-125-2**Published:** 2014**Total Pages:** 215 m/s

This book consists of 12 research papers in which its uniqueness in discussing Science through Islamic perspective to uphold the mission, vision and philosophy of Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Advances in science, engineering, and innovation during the last 10 years of FST establishment have changed the way Faculty of Science and Technology (FST)'s researchers approach their work, the methods and tools they use, the collaborative partnerships they develop, and the strategies they employ to enhance their research to integrate the naqli and aqli knowledge. It is to be seen as their fard kifayah duty to the Ummah as a commendable effort put forth by FST's researcher commemorates the celebration of 10 Years Establishment of the Faculty. demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

**FARAID PEMBAHAGIAN PUSAKA DALAM ISLAM****PENULIS:** Zahari Mahad Musa | Mushaddad Hasbullah**HARGA:** RM 26.00**ISBN:** 978-967-440-122-1**TERBITAN:** 2015**HALAMAN:** 160 m/s

Hukum faraid merupakan undang-undang pusaka yang komprehensif, sempurna dan bersifat adil dalam pengurusan harta keluarga dalam Islam. Undang-undang ini mempunyai dasar yang jelas kerana ia merupakan ketetapan Allah SWT yang lebih mengetahui segala-galanya. Buku ini merupakan usaha untuk menerangkan faraid sebagai salah satu medium pengurusan harta pusaka dalam Islam. Paparan utama dalam buku ini menyentuh pengenalan faraid serta perincian komponen penting melalui pembahagian dan pengiraan harta pusaka melalui faraid. Buku ini ditulis bagi menjadi bacaan umum untuk mengetahui kepentingan, pembahagian dan pengiraan harta pusaka yang diselesaikan melalui faraid.

**RESEARCH AND ISSUES IN SECOND AND FOREIGN LANGUAGE TEACHING****Editor:** Haliza Harun | Fariza Puteh Behak | Hazleena Baharun**Price:** RM 45.00**ISBN:** 978-967-440-113-9**Published:** 2014**Total Pages:** 231 m/s

This book is a joint effort to put forth ideas, studies, and research relevant to the teaching and learning field. The book covers a wide range of topics that include the learning problems that language learners face, to the various learning and teaching pedagogies that can be implemented in the Malaysian context. The issues discussed are fundamental as they not only can form as basis for understanding the theoretical issues in second and foreign language learning and teaching, but also insights and better understanding for language practitioners in making strategic decisions to develop better language learning tasks and material designs.